

*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*


# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**5 NOVEMBER 2020**

1. 54 anjing liar mati lemas

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



ANTARA anjing yang mati lemas dilanda banjir di kandang milik Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar Furrykids Safehaven di Kampung Mawar, Mambau.

selepas kejadian pada 2012.

## 54 anjing liar mati lemas

**Seremban:** Banjir yang melanda sebahagian kawasan di Seremban tengah malam kelmarin, turut mengakibatkan 54 ekor anjing liar mati lemas dilanda arus deras.

Anjing itu dibela pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar Furrykids Safehaven di Kampung Mawar, Mambau yang turut terkesan akibat banjir kilat.

Setiasaha persatuan itu, M Sathiavany berkata, semua anjing itu mati lemas selepas kandang haiwan terbabit yang terletak kira-kira 200 meter dari Sungai Linggi dilanda arus deras.

"Selepas menyedari paras air sungai meningkat tengah malam kelmarin, tujuh pekerja yang menjaga kandang membuka pintu kandang bagi melepaskan anjing.

"Ada 1,800 ekor anjing, kebanyakannya anjing liar yang ditangkap, menyelamatkan

diri dengan naik ke atas bumbung kandang.

"Pekerja memaklumkan kejadian terbabit namun kami tidak dapat ke kandang berikutan jalan tidak boleh dilalui," katanya semalam.

Sathiavany berkata, dia bersama ahli NGO itu kemudiannya ke kandang berkenaan jam 7 pagi semalam namun mendapati 54 daripada anjing terbabit mati.

Katanya, kematian anjing itu dipercayai berpunca daripada arus deras yang melanda di sekitar kandang seluas 0.8 hektar terbabit.

"Kandang ini mula beroperasi pada Disember 2017. Anjing liar yang dibela sebelum ini ditangkap Majlis Bandaraya Seremban (MBS) selain kami sendiri.

"Turut musnah harta benda milik pekerja dan makanan anjing," katanya.